

DATE: 22/4/2008

Dr M diminta tidak kritik isu ex-gratia

KUALA LUMPUR: Majlis Peguam meminta Tun Dr Mahathir Mohamad supaya tidak mengkritik pembayaran ex-gratia kepada enam hakim kanan yang dipecat ketika krisis kehakiman kerana bekas Perdana Menteri itu bertanggungjawab terhadap pemecatan mereka.

Naib Presidennya, Ragunath Kesavan mendakwa Dr Mahathir mengeksploitasi undang-undang ketika era pemerintahannya sehingga berlaku krisis kehakiman pada 1988.

"Isu di sini bukanlah pemecatan Tun Salleh Abas (bekas Ketua Hakim Negara) itu mengikut undang-undang atau tidak, tetapi undang-undang dieksploitasi oleh Dr Mahathir untuk memecat hakim," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Ragunath berkata demikian ketika mengulas mengenai kritikan Dr Mahathir terhadap kerajaan yang membayar ex-gratia kepada enam hakim kanan termasuk Salleh dengan mendakwa tiada sebab ganti rugi perlu diberi kerana pemecatan hakim itu dibuat mengikut undang-undang.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengumumkan pembayaran ex-gratia kepada enam bekas hakim kanan termasuk Salleh dan Tan Sri Azmi Kamaruddin; Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abdoolcader; Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh; Tan Sri Wan Hamzah Mohamed serta Tan Sri George Edward Seah Kim Seng.

Pada 1988, kerajaan menubuhkan tribunal khas untuk mendengar tuduhan salah laku terhadap Salleh selepas beliau menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong bagi melahirkan kekecewaan tuduhan terhadap sistem kehakiman.

Beliau dipecat kerana dakwaan salah laku berdasarkan cadangan daripada tribunal kehakiman ditubuhkan Yang di-Pertuan Agong.

Ragunath berkata, Abdullah mengambil kira persepsi rakyat bahawa undang-undang disalah guna pada ketika itu dan mengambil langkah untuk memulihkannya.

"Dr Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri berkata 'saya dilantik oleh rakyat, siapa hakim yang boleh kata saya salah'. Jadi Dr Mahathir memberi persepsi salah kepada rakyat," katanya.

Selain itu, katanya, Majlis Peguam ketika era pemerintah Dr Mahathir, langsung tidak diberi ruang untuk mengkritik atau dibenarkan kebebasan bersuara.